



Zulkifli (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas dalam dua kes berasingan pada 19 November lalu. (Foto ihsan JKDM)

JKDM gagalkan cubaan seludup dadah RM2.5j

Sepang: Cubaan dua warga asing membawa masuk dadah bernilai lebih RM2.5 juta ke negara ini, digagalkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) selepas ditahan di Balai Ketibaan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dalam dua kes berasingan pada 19 November lalu.

Pengarah Kastam KLIA, Zulkifli Muhammad, berkata suspek warga China dan Thailand ditahan hasil tindakan pantas Bahagian Penguatkuasaan JKDM KLIA bersama anggota Agensi Kawalan dan

Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) selepas imbasan bagasi menunjukkan imej mencurigakan.

“Hasil pemeriksaan ke atas bagasi milik warga China menjumpai beberapa bungkusan kecil berwarna kuning yang mengandungi serbuk disyaki ketamin, diletakkan dalam tin dan kotak berwarna merah berlabel *Refined Chinese Tea*.”

“Bagasi milik warga Thailand pula mengandungi kapsul berisi serbuk disyaki kokain, disembunyikan dalam patung *soft toy*,” katanya dalam kenya-

taan semalam.

Anggaran berat kasar ketamin adalah 2.70 kilogram (kg) dengan nilai melebihi RM135,000, manakala kokain dianggarkan 12kg dengan nilai melebihi RM2.4 juta. Kedua-dua dadah disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Bahagian III, Akta Dadah Berbahaya 1952.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B akta sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup, selain sekurang-kurangnya 12 sebatan jika hukuman mati tidak dikenakan, jika sabit kesalahan. BERNAMA